

Gaya Kepengarangan dalam Novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* Berdasarkan Metafora Konsepsi

The Authorial Style in the Novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck Based on Conceptual Metaphors

UMMI SYAZA NABILAH MOHAMAD SUHAIMI & ROZITA CHE RODI

ABSTRAK

Dalam penghasilan sesebuah karya sastera, idea pemikiran yang dizahirkan oleh pengarang disampaikan dengan kata-kata yang indah dan mempunyai gaya bahasa yang berbunga. Sekiranya masyarakat kurang penghayatan dan pemahaman bagi memahami maksud tersurat dan tersirat yang disampaikan melalui metafora maka mereka akan menghadapi masalah dalam proses pentafsiran makna bagi kepengarangan ini. Hal ini demikian kerana sesuatu makna dan pemikiran itu tidak boleh lari untuk diteliti dari segi semantik kognitif. Melalui acuan semantik kognitif, setiap idea pemikiran yang mempunyai kepelbagaian makna secara implisit dalam kepengarangan novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck karya Hamka ini dapat difahami. Dalam menjalankan kajian ini, pertama sekali ujaran watak yang menonjolkan elemen metafora konsepsi telah dikenal pasti bagi mengelompokkan berdasarkan jenis-jenisnya. Seterusnya, data bagi elemen metafora konsepsi diinterpretasi. Kemudian, penggunaan metafora konsepsi dalam kepengarangan novel ini dirumuskan pemaknaannya. Rentetan itu, Teori Metafora Konsepsi yang dipelopori Lakoff dan Johnson (1980) menjadi pegangan untuk merungkai objektif kajian ini. Kaedah kualitatif digunakan untuk mengumpul data dan menganalisis teks. Hasil kajian mendapati bahawa metafora konsepsi yang paling dominan ialah metafora konsepsi ontologi, iaitu sebanyak 106 atau 48%. Kekekapan penggunaan metafora konsepsi yang kedua tinggi ialah metafora konsepsi struktural, iaitu sebanyak 76 atau 34% manakala penggunaan kekekapan paling rendah adalah sebanyak 40 atau 18%, iaitu metafora konsepsi orientasi. Kajian ini menunjukkan bahawa elemen metafora konsepsi yang diselitkan dalam kepengarangan sastera ini dibantu oleh kognitif manusia bagi memproses sesuatu perkara abstrak di dalam minda kepada bentuk pemikiran yang konkrit.

Kata kunci: Semantik kognitif; metafora konsepsi struktural; metafora konsepsi ontologi; metafora konsepsi orientasi; Hamka; Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck

ABSTRACT

In the creation of literary works, the ideas and thoughts expressed by the author are conveyed through beautiful and ornate language. If society lacks the appreciation and understanding to grasp both the explicit and implicit meanings conveyed through metaphors, they will encounter difficulties in interpreting the intended meanings of the authorship. This is because meaning and thought cannot be divorced from an examination through the lens of cognitive semantics. Through the framework of cognitive semantics, the diverse implicit meanings embedded in the authorship of Hamka's novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck can be understood. In conducting this study, the first step involved identifying character dialogues that prominently feature elements of conceptual metaphors, which were then categorized according to their types. Subsequently, the data pertaining to conceptual metaphor elements were interpreted. Following this, the usage of conceptual metaphors within the authorship of the novel was analyzed to elucidate their meanings. In this regard, the Conceptual Metaphor Theory pioneered by Lakoff and Johnson (1980) served as the foundation for unravelling the study's objectives. A qualitative method was employed to gather data and analyze the text. The study's findings revealed that the most dominant conceptual metaphor was the ontological metaphor, with 106 occurrences or 48%. The second most frequent conceptual metaphor was the structural metaphor, with 76 occurrences or 34%, while the least frequent was the orientation metaphor, with 40 occurrences or 18%. This study demonstrates that the conceptual metaphor elements embedded in this literary authorship are facilitated by human cognition, which processes abstract concepts in the mind into concrete thoughts.

Keywords: Cognitive semantic; structural conceptual metaphor; ontological conceptual metaphor; orientational conceptual metaphor; Hamka; Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck

PENGENALAN

Sesebuah karya yang dikarang secara tersusun akan menghasilkan kata-kata yang indah. Keberhasilan keindahan kata-kata ini sering kali dikaitkan dengan penghasilan karya sastra. Penggunaan kata-kata yang indah ini bukanlah sekadar untuk menghiburkan semata-mata tetapi dapat memberikan manfaat kepada sasaran khalayaknya. Penggunaan setiap keindahan kata ini bukan hanya dilihat pada makna dasarnya sahaja tetapi turut mempunyai makna di sebalik penggunaan kata tersebut. Nilai keindahan ini adalah daripada keistimewaan pengolahan gaya bahasa dalam sesebuah karya agar dapat menimbulkan kesan keindahan emosi, pengalaman, imaginasi dan wawasan serta pembaca mampu memahami dan menghayati keindahan kata-kata tersebut. Penghasilan sesebuah karya sastra sememangnya tidak dapat dinafikan lagi mampu meninggalkan kesan kepada khalayaknya kerana penggunaan bahasa yang indah dan tersusun (Nur Amirah Che Soh dan Che Ibrahim Salleh 2014).

LATAR BELAKANG HAMKA DAN KARYA-KARYANYA

Abdul Malik Abdul Karim Amrullah atau dikenali sebagai Hamka yang merupakan seorang penulis dan tokoh pemikir di Alam Melayu. Beliau turut dikenali dengan karya-karya sastranya. Setiap inti kepengarangan karya-karya sastra beliau telah diterapkan konsep keindahan kata-kata. Intipati kepengarangan Hamka adalah melalui ilham, iaitu melalui perkara yang dilihat dan pengalaman yang telah dilaluinya sendiri. Dalam kepengarangan sastranya, turut diselitkan pengalaman dan kepedihan beliau yang dibesarkan dalam sebuah keluarga yang mengamalkan adat Minangkabau. Pada pendapat beliau, adat ini melemahkan jiwa keislaman seseorang itu. Oleh itu, beliau secara sinis dan tajam mengkritik adat tersebut menerusi karya-karya sastranya dan salah satunya ialah *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (1939).

Metafora banyak digunakan dalam bidang kesusasteraan. Namun begitu, penggunaan metafora tidak terbatas kepada kesusasteraan sahaja tetapi ia merupakan satu mekanisme dasar cara mana menunjukkan otak manusia berfungsi (Mohd Radzi Mustafa 2022). Novel hasil kepengarangan Hamka ini kebanyakannya ditulis melalui kerealitian sebenar, iaitu berdasarkan pengalaman yang dilalui sendiri. Setiap idea dalam kepengarangan ini bermakna dan mampu berhubung dengan jiwa

manusia lain meskipun hanya dari pembacaan. Teori Metafora Konsepsi digunakan bagi kajian ini kerana teori ini menitikberatkan pengkajian mengenai struktur konsepsi dan proses pengkonsepsian yang berlaku dalam minda manusia menerusi penggunaan metafora.

Setiap pengaliran makna dalam kepengarangan novel ini dapat diinterpretasi mengikut acuan semantik kognitif berasaskan struktur konseptual. Teori ini turut mempunyai hubungan yang erat di antara bahasa dengan keupayaan kognitif asas manusia, iaitu dari segi mengkategorikan, iaitu membentuk konsepsi berstruktur yang bersifat pelbagai tingkat dan lapis serta mampu mengkonsepsikan sesuatu situasi berdasarkan abstrak yang pelbagai. Kandungan dalam karya sastra ini wujud dengan pelbagai perkataan yang sarat dengan makna dari sudut semantik. Oleh itu, Teori Metafora Konsepsi yang diperkenalkan oleh Lakoff dan Johnson (1980) digunakan bagi menganalisis setiap analisis dalam kajian ini.

PERNYATAAN MASALAH

Kepengarangan novel sastra banyak disampaikan melalui metafora. Namun begitu, makna bagi setiap perkataan yang disampaikan melalui metafora telah menimbulkan masalah kepada masyarakat untuk memahami maksud yang disampaikan kerana kurangnya penghayatan dan pemahaman terhadap maksud tersurat dan tersirat (Mala Varadan 2018). Isu yang timbul dalam kalangan masyarakat yang mengetepikan karya sastra adalah disebabkan penggunaan bahasa yang kompleks dan bahasa kiasan yang sukar difahami. Hal ini kerana makna yang disampaikan melalui metafora akan menjadi kata-kata kiasan yang tidak bermakna kerana individu itu tidak dapat memahami dan menghayati maksud disebalik metafora yang terdapat dalam sesuatu novel. Menurut Sharwinthiran Thavarajahi et al. (2020) pula, hasil kepengarangan yang indah dalam sesebuah penulisan sastra juga didapati kurang dikupas menerusi aspek pemikiran semantik kognitif yang mengkonseptualisasikan teori metafora konsepsi yang diperkenalkan oleh Lakoff dan Johnson.

Selain itu, bidang sastra dan linguistik sering dianggap berbeza. Meskipun, novel ini tergolong dalam karya sastra tetapi tidak menghalang pengkaji untuk mengkaji kepengarangan ini menerusi kajian semantik yang memerikan makna melalui metafora konsepsi. Pemikiran penulis

yang disampaikan secara abstrak dan tidak bersifat harfiah dapat dizahirkan maknanya apabila penggunaan metafora dalam sesebuah karya dikaji (Aini Hj Karim dan Muhamad Fadzllah Hj Zaini 2017). Ini memperlihatkan bahawa sesuatu makna yang diungkapkan dan pemikiran yang disampaikan itu tidak boleh lari untuk diteliti dari segi semantik kognitif.

Karya sastera juga dianggap sebagai teks yang dipenuhi gaya bahasa berbunga tanpa fungsi yang jelas. Tanggapan ini telah menyebabkan karya sastera yang berkualiti kurang mendapat tempat dalam kalangan pembaca (Muhamad Aniq Azlan dan Mohd Syuhaidi Abu Bakar 2019). Senario ini terjadi kerana mereka merasakan kepengarangan sastera itu hanyalah rekaan semata-mata sedangkan ayat-ayat yang dizahirkan dalam kepengarangan tersebut mempunyai makna dan intipati yang mendalam. Dalam konteks penulisan kreatif, pembaca memerlukan penelitian yang lebih dalam pemahaman melalui pemikiran dan pengalaman agar dapat menginterpretasikan makna yang ingin disampaikan.

Akhir sekali, novel-novel sastera kepengarangan Hamka menggunakan bahasa yang tinggi. Menurut Chew Fong Peng dan Nurmaziah Majelan (2019) pembaca kurang faham mengenai isi kandungan bagi karya sastera kerana sering disifatkan mempunyai bahasa yang tinggi. Permasalahan ini membuatkan pembaca novel tersebut merasakan ia sebagai bebanan kerana konteksnya yang sukar difahami. Hal ini menyebabkan mereka kurang berminat untuk membaca dan mendalami kandungan teks karya sastera kerana kurang faham dengan maksud disampaikan dalam karya-karya tersebut (Nur Aisyah Mohamad et al. 2012). Oleh itu, idea pemikiran melalui kepengarangan novel ini yang mempunyai kepelbagaian makna secara implisit dapat difahami dengan menelusurinya melalui acuan semantik kognitif.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini secara khusus bertujuan untuk memenuhi ketiga-tiga objektif seperti yang berikut, iaitu mengenal pasti elemen metafora konsepsi yang terdapat dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Seterusnya, menginterpretasi metafora konsepsi yang terdapat dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Akhir sekali, merumuskan pemaknaan melalui penggunaan metafora konsepsi

yang terdapat dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*.

BATASAN KAJIAN

Pengkaji meneliti data secara terperinci dan akan menginterpretasikan serta merumuskan sesuatu pembuktian dalam kajian yang dilaksanakan. Bersesuaian dengan fokus kajian, iaitu metafora konsepsi, maka kajian ini hanya memfokuskan terhadap aspek-aspek metafora berdasarkan landasan semantik kognitif. Kajian ini menggunakan sebuah novel karya Hamka, iaitu *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* sebagai bahan kajian. Sampel ujaran watak dalam novel akan digunakan oleh pengkaji bagi meneliti kewujudan metafora konsepsi.

Pengkaji hanya membataskan kajian terhadap penggunaan elemen metafora konsepsi melalui dialog yang diujarkan oleh watak dalam novel menggunakan pendekatan semantik kognitif kerana pengalihan makna ujaran yang dituturkan dapat diinterpretasikan mengikut acuan semantik kognitif. Pengkaji hanya menghuraikan tiga contoh data sahaja bagi ketiga-tiga jenis metafora konsepsi tersebut kerana kaedah penghuraian data-data yang lain adalah sama dari segi prinsip dan kaedahnya. Selain itu, pengkaji memilih data yang memperlihatkan ciri yang sangat ketara yang ada pada metafora konsepsi tersebut. Jelaslah bahawa penggunaan Teori Metafora Konsepsi merupakan satu strategi untuk memahami suatu konsep makna menerusi metafora.

KAJIAN LITERATUR

Kajian literatur dalam penulisan ini dibahagikan kepada tiga kajian, iaitu kajian metafora konsepsi, kajian yang menggunakan teori metafora konsepsi dan kajian berkaitan novel. Kajian ini mempunyai beberapa perbezaan dan persamaan dengan kajian-kajian lepas. Perbezaan dan persamaan ini dilihat sama ada daripada aspek data kajian, kerangka teori yang digunakan, serta metodologi kajian.

KAJIAN MENGENAI METAFORA KONSEPSI

Dalam kajian Rozaimah Rashidin dan Nor Hashimah Jalaluddin (2015) yang bertajuk “Metafora Konsepsi Emosi Marah Dalam Data Korpus Teks Tradisional Melayu” menjelaskan penyampaian emosi marah secara tersirat menerusi metafora konsepsi emosi

dalam data korpus teks tradisional Melayu daripada *Malay Concordance Project (MCP)* berbantuan Teori Hibrid. Justeru, kajian ini meneliti metafora emosi marah yang terdapat dalam enam teks tradisional Melayu. Data-data yang diperolehi ini akan diinterpretasi melalui konsep *ad hoc* perluasan. Hasil daripada kajian ini, pembaca tidak memahami ungkapan metafora dalam teks-teks tersebut tidak dapat menginterpretasi dan memahami makna emosi marah yang disampaikan secara tersirat. Hal ini kerana mereka sukar mentafsir makna yang disampaikan. Oleh itu, pengkaji dapat melihat cara pengolahan data penginterpretasian metafora konsepsi dari segi kaedah penghuraian data dalam kajian lepas ini agar dapat menyelesaikan permasalahan kajian yang dilihat dari sudut pengaplikasian Teori Metafora Konsepsi.

Khairulanwar Abdul Ghani (2021) dalam kajiannya pula telah mengetengahkan teori Integrasi Konseptual yang diusulkan oleh Fauconnier dan Turner (1998; 2002) untuk membincangkan konseptualisasi metafora emosi takut dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Berbantuan pangkalan korpus DBP dengan bersumberkan majalah seram, iaitu Mastika, data bagi metafora ini telah diperolehi. Hasil kajian ini mendapati bahawa budaya yang berbeza ini menyebabkan pembaca sukar menginterpretasikan makna metafora emosi yang disampaikan. Kajian ini bertujuan untuk merumuskan pemaknaan aspek metafora dari perspektif linguistik kognitif. Oleh itu, dalam kajian yang dilaksanakan, pengkaji akan merumuskan pemaknaan dari aspek metafora menerusi semantik kognitif kerana pemaknaan metafora dari perspektif semantik kognitif masih kurang dikaji.

KAJIAN MENGENAI TEORI METAFORA KONSEPSI

Pengkaji tempatan, Sharwinthiran Thavarajah et al. (2020), menggunakan Teori Metafora Konsepsi dalam kajian mereka terhadap pentaksiran analitikal dan holistik elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam penulisan karangan. Mereka meneliti pemahaman pelajar mengenai elemen KBAT dalam penulisan pendahuluan karangan dengan menggunakan Teori Metafora Konsepsi menerusi pendekatan Semantik Kognitif yang diperkenalkan oleh Lakoff dan Johnson. Pemerolehan data bagi kajian ini diperolehi dengan menganalisis dokumen, iaitu menganalisis senarai semak KBAT. Pengkaji hanya memfokuskan leksikal sahaja dalam pendahuluan karangan pelajar sekolah Menengah

dan leksikal tersebut mempunyai unsur metafora. Hasil analisis bagi pengenalpastian metafora leksikal dalam karangan ini membuktikan bahawa ia lebih sesuai disaring berpandukan *Metaphor Identification Procedure (MIP)* seperti yang dicadangkan oleh Pragglejaz Group (2007) sebelum dikelompokkan berdasarkan jenisnya kerana bahan kajian ini bersifat akademik. Aspek ini memberikan inspirasi kepada pengkaji bahawa karya sastera boleh dijadikan bahan kajian yang harus diteliti dari sudut semantik kognitif.

Clinton Ringit et al. (2019) telah melakukan satu kajian mengenai “Domain Kepercayaan Bahasa Halus Masyarakat Iban Sebuyau, Sarawak”. Kajian ini turut melakukan pengenalpastian dan penganalisisan bahasa halus Iban Sebuyau melalui domain kepercayaan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa leksikal yang mempunyai elemen metafora dalam pertuturan Masyarakat Iban dapat menghindari mereka daripada sebarang prasangka yang tidak baik oleh pendengar ketika leksikal tersebut diujarkan kepada mereka. Teori Metafora Konsepsi diguna pakai untuk mentafsir leksikal dalam pertuturan Masyarakat Iban sekiranya mempunyai elemen metafora. Keterkaitan kajian ini dengan kajian pengkaji adalah penggunaan teori yang sama, iaitu Teori Metafora Konsepsi namun berbeza dari sumber pemerolehan data kajian. Hal ini kerana kajian lepas ini juga memfokuskan kepada satu domain sahaja, iaitu domain kepercayaan.

Seterusnya ialah kajian oleh Hamidah Abdul Wahab et al. (2016). Kajian tersebut merupakan kajian untuk meneliti proses-proses kognitif yang mengkonsepsi eufemisme kematian dalam masyarakat Melayu Sarawak. Analisis data dijalankan dengan menggunakan kerangka Teori Metafora Konsepsi bagi menghuraikan data-data eufemisme ini. Hal ini kerana proses-proses kognitif ini hanya difokuskan dengan mengkonsepsikan konteks kematian sahaja. Kesimpulannya, kajian Hamidah Abdul Wahab et al. (2016) ini mempunyai perbezaan dengan kajian yang dijalankan kerana kelompangan proses-proses kognitif dalam kajian pengkaji terdahulu hanya menumpukan penggunaan eufemisme berdasarkan satu konteks sahaja, perkara ini telah memberi ruang kepada pengkaji untuk menyentuh keseluruhan konteks yang dapat dikonsepsikan melalui proses kognitif dalam novel.

Nirwana Sudirman et al. (2017) mengkaji “Metafora Konsepsi dan Skema Imej Sebagai Cerminan Pemikiran dan Kehidupan Orang Melayu” dengan mengaplikasikan Teori Metafora

Konsepsi. Kajian ini dilakukan terhadap pantun Melayu untuk melihat perenggu minda orang Melayu sebagaimana yang terpancar dalam pantun tersebut. Hasil analisis menunjukkan bahawa sebanyak 110 metafora konsepsi ditemui dalam pantun tersebut. Jelaslah di sini bahawa pemaknaan yang dirumuskan melalui penggunaan metafora konsepsi pengkaji semasa mempunyai persamaan dari sudut mendapatkan data, iaitu menganalisis teks meskipun dalam konteks penyampaian yang berbeza. Hal ini kerana pemaknaan setiap metafora konsepsi yang dirumuskan bukan sahaja boleh melihat perenggu minda sesebuah masyarakat yang disampaikan melalui pantun tetapi juga boleh dilihat melalui hasil karya penulisan kreatif.

Kajian lepas lain ialah kajian oleh Merry Lapasau dan Arbak Othman (2022) yang menggunakan Teori Metafora Konsepsi bagi menganalisis penggunaan metafora terpilih, iaitu metafora haiwan dalam peribahasa Melayu dan Indonesia. Kajian ini menggunakan metafora haiwan kerana nama haiwan telah digunakan bagi setiap metafora yang terkandung dalam peribahasa. Hal ini kerana keterkaitan hubungan sosial antara manusia dengan haiwan disampaikan melalui metafora haiwan. Oleh sebab itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menelusuri nilai-nilai dan idea penutur sesuatu bahasa menerusi penggunaan metafora haiwan di samping memperlihatkan struktur sosial dan cara berfikir penutur bahasa tersebut. Pada dasarnya terdapat persamaan yang dapat dilihat antara kajian yang dijalankan oleh Merry Lapasau dan Arbak Othman (2022) dan kajian yang dijalankan oleh Dinie Asyraf Salehan (2017). Kedua-dua kajian ini melihat kepada peribahasa dan metafora konsepsi, iaitu mengenai metafora konsepsi dan pemikiran berkaitan haiwan di samping memperincikan metafora haiwan sebagai sumber domain serta menggunakan Teori Metafora Konsepsi. Walau bagaimanapun, kajian Dinie Asyraf Salehan (2017) lebih memfokuskan kepada metafora konsepsi dan pemikiran dalam peribahasa Melayu dan Perancis berkaitan haiwan. Oleh itu, aspek-aspek kajian terdahulu ini telah mendatangkan inspirasi kepada pengkaji agar tidak memfokuskan pengkonsepsian terhadap metafora haiwan semata-mata tetapi kepada semua elemen yang mempunyai unsur metafora untuk dijadikan sumber domain.

KAJIAN MENGENAI NOVEL

Kajian yang dijalankan oleh Siti Farida Salleh et al. (2020), telah mengupas makna di sebalik novel

yang bertajuk “Sangkar” oleh Samsiah Mohd. Nor menggunakan pendekatan semantik leksikal. Kajian ini dilaksanakan bagi mengetahui jenis-jenis leksikal yang berkait dengan konsep semantik leksikal digunakan dalam novel tersebut. Hasil daripada kajian ini telah menunjukkan bahawa kelompok-kelompok semantik leksikal yang terdiri daripada antonim, sinonim, hiponim dan meronim ini membawa makna yang berbeza dan membantu pembaca mentafsir makna yang ingin disampaikan oleh penulis dengan tepat. Oleh itu, penekanan terhadap jenis-jenis leksikal berdasarkan kelompoknya telah memberi inspirasi kepada pengkaji bahawa kajian makna leksikal juga perlu diteliti melalui pendekatan semantik kognitif. Sehubungan itu, Teori Metafora Konsepsi dapat dimanfaatkan untuk merungkai pemaknaan yang dizahirkan penulis menerusi kepengarangan novel.

Marjannah et al. (2023) pula menganalisis metafora yang ada dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka. Melalui Teori Semiotik Pierce dan Morris ini, pentafsiran pemaknaan bagi setiap metafora dalam kepengarangan ini dapat diteliti bagi kelas bentuknya. Hal ini kerana data-data kajian yang diperoleh akan dikumpulkan menerusi penelitian bentuk-bentuk metafora umum metafora antropomorfik, metafora haiwan, metafora konkrit ke abstrak dan metafora silang deria kemudian dibincangkan fungsi-fungsi metafora tersebut. Melalui hasil dapatan yang dihuraikan, kajian ini menyentuh mengenai metafora tetapi dari sudut pemaknaan hanya dihuraikan secara umum. Oleh itu, pengkaji akan meneliti elemen metafora dengan lebih terperinci berdasarkan jenis dan pemaknaannya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk mengenal pasti data elemen metafora dalam dialog yang diujarkan oleh watak-watak, dengan rujukan khusus terhadap kepengarangan karya sastera Hamka, iaitu novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Kajian ini menghuraikan bagaimana pengalihan makna metafora konsepsi hadir dalam novel, agar ketiga-tiga objektif yang dikemukakan dapat dicapai. Maka, kewajaran mencapai ketiga-tiga objektif ini adalah dengan pemilihan teori yang sesuai, iaitu Teori Metafora Konsepsi sebagai landasan dalam mengenal pasti, menginterpretasi dan merumuskan pemaknaan elemen metafora konsepsi dalam bahan kajian yang dipilih.

BAHAN KAJIAN

Kajian ini memilih novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* hasil penulisan tokoh pemikir Alam Melayu, iaitu Hamka sebagai bahan kajian. Keseluruhan bab yang merangkumi 290 halaman dalam novel telah dianalisis. Setiap bab dalam kepengarangan novel yang dianalisis akan dikaji dari sudut metafora konsepsi yang terdapat dalam teori metafora konsepsi. Pemilihan novel karya Hamka sebagai bahan kajian didasarkan kepada beberapa pertimbangan, iaitu popularitinya yang lebih tinggi berbanding penulis luar lain di Malaysia, ketokohnya yang diakui oleh golongan akademik, serta penulisan Hamka yang masih relevan hingga kini. Karyanya dihargai oleh rakyat Malaysia kerana idea-ideanya yang tulen, jujur, dan ikhlas, selain menyampaikan mesej berbentuk nasihat yang berpaksikan realiti sebenar kehidupan masyarakat. Justifikasi pemilihan novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka sebagai bahan kajian turut disandarkan kepada beberapa pandangan tokoh tempatan dan luar. Antaranya, Siti Zainon Ismail (1991) menyebut dalam buku beliau yang berjudul *Seni dan Budaya dalam Novel Hamka*, bahawa Hamka menggunakan *Tenggelamnya Van Der Wijck* sebagai platform untuk menggambarkan konflik antara cinta dan norma adat. Dia menekankan bagaimana novel ini mencerminkan realiti masyarakat Melayu yang terperangkap dalam tradisi, tetapi juga mengimpikan kebebasan dan cinta sejati. Pandangan yang lain, Syed Muhammad Naquib al-Attas (1994), menyatakan bahawa Hamka, melalui novel ini, berhasil menyeimbangkan antara nilai-nilai Islam dan adat. Dia menghargai cara Hamka menyampaikan konflik moral yang dihadapi oleh karakter-karakternya, menunjukkan kedalaman pemikiran dan spiritualiti dalam karyanya. Sementara itu, Marwan Mas (2020), menekankan bahawa novel *Tenggelamnya Van Der Wijck* tetap relevan sebagai karya yang menggambarkan perjuangan antara individu dan norma sosial. Beliau turut berpendapat bahawa karyanya membuka ruang bagi perbincangan tentang identiti dan budaya dalam konteks moden.


Pandangan daripada tokoh-tokoh di atas menunjukkan bagaimana novel *Tenggelamnya Van*

Der Wijck dihargai dalam pelbagai konteks, baik di Malaysia mahupun Indonesia, serta peranan penting Hamka dalam dunia sastera Melayu. Selain itu, keseluruhan bab difokuskan dan dianalisis kerana intipati novel ini banyak berkait dengan pengalaman badaniah dan secara tidak langsung penulisan novel ini akan melibatkan pelbagai jenis metafora konsepsi kerana mempunyai mesej yang tersirat. Makna setiap ayat yang ada pada setiap bab dalam novel ini juga berkait dengan proses psikologi minda terhadap bahasa, iaitu hubungan bahasa dengan kognitif manusia.

KERANGKA TEORI METAFORA KONSEPSI (1980)

Kajian ini bertujuan untuk meneliti metafora konsepsi yang terdapat dalam keseluruhan novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Oleh itu, teori *Metafora Konsepsi* (1980) yang dipelopori oleh Lakoff dan Johnson telah diguna pakai oleh pengkaji dalam kajian ini untuk menganalisis data kajian yang diperolehi. Pemilihan teori memainkan peranan penting bagi membantu pengkaji dalam menganalisis data. Teori ini menjadi acuan yang dibina untuk konsep di dalamnya bagi menganalisis data kajian mengikut objektif kajian dan permasalahan kajian.

Teori *Metafora Konsepsi* ini dipilih dan digunakan dalam kajian adalah untuk menjelaskan bagaimana proses aliran makna itu disampaikan membentuk konseptualisasi yang memaparkan kognitif penulis. Hal ini demikian kerana makna dan pemikiran tidak boleh lari dengan meneliti dari sudut semantik kognitif. Oleh itu, kognitif seseorang penulis mampu diungkap melalui penggunaan metafora yang digubah dalam sesuatu ayat mahupun frasa. Teori ini juga diguna pakai kerana menitikberatkan pengkajian mengenai struktur konsepsi dan proses pengkonsepsian yang berlaku dalam minda manusia. Perkara ini dapat dilihat melalui penggunaan bahasa yang digunakan oleh penulis dalam novel dijadikan alat untuk menyelidiki organisasi konsepsi yang dimaksudkan. Organisasi konsepsi merupakan mekanisme kognitif seperti metafora konsepsi yang digunakan bagi menghuraikan pengkonsepsian metafora dalam karya Hamka.



RAJAH 1. Kerangka Teori Metafora Konsepsi
 Sumber: Lankof dan Johnson (1980)

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Data metafora konsepsi kajian ini diperolehi daripada sebuah novel karya Hamka sahaja, iaitu

novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck. Jadual 1 merupakan paparan dapatan data metafora konsepsi mengikut kekerapan berdasarkan pengklasifikasian jenis-jenisnya.

JADUAL 1. Pengklasifikasian Jenis-Jenis Metafora Konsepsi dalam Novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck

Jenis Metafora Konsepsi	Bilangan	Peratus (%)
Ontologi	106	48
Struktural	76	34
Orientasi	40	18
Jumlah	222	100

Berdasarkan Jadual 1, terdapat tiga jenis metafora konsepsi seperti yang digariskan oleh Lakoff dan Johnson yang dapat dikenal pasti melalui novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck. Secara keseluruhan, sebanyak 222 metafora konsepsi telah dikumpulkan.

METAFORA KONSEPSI ONTOLOGI

Bahagian ini memfokuskan bagaimana elemen metafora konsepsi ontologi dikenal pasti, diinterpretasi dan dirumuskan pemaknaannya melalui penggunaan metafora konsepsi ontologi

dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Kehadiran elemen metafora konsepsi ontologi dalam sesebuah karya dapat dikesan apabila manusia perlu berfikir dan menggambarkan pengalaman yang abstrak melalui unsur yang konkrit, wujud, dan nyata dalam kehidupan mereka. Dalam erti kata lain, pengalaman abstrak yang digambarkan dalam penyusunan penceritaan oleh penulis dapat difahami apabila diterangkan melalui unsur atau entiti yang lebih konkrit, yang boleh dilihat, disentuh, dan dirasai. Sebagai contoh, manusia akan berasa sukar untuk melihat sesuatu atau konsep melalui pengalaman deria kerana ia merupakan pengalaman yang bersifat abstrak.

ELEMEN METAFORA KONSEPSI ONTOLOGI

Sebanyak 106 elemen metafora konsepsi ontologi yang disampaikan oleh Hamka dalam

kepengarangannya. Metafora konsepsi jenis ini digunakan dalam kepengarangan novel ini bagi mengkonsepsikan sentimen yang ingin diluahkan oleh beliau di samping memperlihatkan pemikirannya meluahkan cabaran kehidupan yang perlu dihadapinya dalam pelbagai bentuk sejak kecil. Hal ini kerana sesuatu perkara yang berkonsepkan metafizik seperti perasaan yang bersifat abstrak dan tidak dapat dilihat secara terang-terangan sukar dijelaskan jika tidak diumpamakan sebagai entiti konkrit yang bersifat tidak khusus yang hadir dalam bentuk yang pelbagai. Oleh itu, pengkonsepsian metafora jenis ontologi dapat menggambarkan sentimen yang diluahkan Hamka mengenai kehidupan beliau menggunakan kaedah berfikir secara simbolik. Jadual 2 merupakan paparan data penginterpretasian metafora konsepsi ontologi.

JADUAL 2. Penginterpretasian Metafora Konsepsi Ontologi

Metafora Konsepsi	Data 1
Ontologi	Meskipun dengan sepayah-payahnya Hayati menahan hatinya, namun mukanya nyata pucat kelihatan, <i>terlompat juga pertanyaan mulutnya...</i>

(Halaman 71)

Berdasarkan data 1 dalam Jadual 2, elemen metafora konsepsi ontologi dapat dikesan melalui frasa *terlompat juga pertanyaan mulutnya* kerana pengarang menyamakan dengan perlakuan manusia. Hal ini demikian kerana *terlompat* merujuk kepada perbuatan manusia. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), *lompat* merupakan perbuatan bergerak dengan cepat dengan mengangkat kedua-dua kaki dari tanah terus ke atas atau ke depan.

Penggunaan elemen metafora ini dalam kepengarangannya adalah untuk menggambarkan perbuatan Hayati yang dalam keadaan tidak sengaja, iaitu secara melulu bertanyakan soalan kepada bapa saudaranya mengenai Zainuddin walaupun dia tahu bapa saudaranya tidak suka jika dia bercakap apa-apa yang berkaitan Zainuddin.

PEMAKNAAN MELALUI PENGGUNAAN METAFORA KONSEPSI ONTOLOGI

Metafora konsepsi ontologi adalah yang paling dominan kerana bahasa dalam novel ini kebanyakannya mengandungi unsur-unsur yang dapat menimbulkan kesan mendalam pada jiwa pembaca. Pemilihan perkataan, frasa dan ayat dalam kepengarangan novel perlu dititikberatkan agar dapat memberi kesan pada jiwa pembaca ketika

membaca. Sekiranya sesebuah kepengarangan itu dapat memberi kesan pada jiwa pembaca, maka akan terhasilnya kesan emosi.

Selari dengan konsep metafora ontologi, iaitu mengkonsepsikan benda-benda abstrak seperti emosi, idea, dan fenomena persekitaran kepada entiti yang konkrit. Manusia dapat berfikir dan menggambarkan pengalaman melalui metafora konsepsi ontologi kerana ia dijelmakan melalui unsur yang konkrit, wujud dan nyata. Oleh itu, pengalaman abstrak yang tidak dapat dikesan melalui deria dapat difahami oleh manusia dengan menggunakan metafora konsepsi ini, kerana perkara-perkara abstrak tersebut dikonsepsikan kepada unsur atau entiti yang lebih konkrit, yang boleh dilihat, disentuh, dan dirasai.

METAFORA KONSEPSI STRUKTURAL

Bahagian ini memfokuskan bagaimana elemen metafora konsepsi struktural dikenal pasti, diinterpretasi dan dirumuskan pemaknaannya melalui penggunaan metafora jenis ini dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Sesuatu konsep abstrak yang disampaikan melalui penggunaan metafora dalam sesebuah kepengarangan dapat difahami apabila item yang berstruktur dalam

pengalaman hidup dijadikan sebagai sumber domain. Metafora jenis struktural adalah satu sistem metafora yang menjadikan konsep yang konkrit dan lebih khusus seperti item yang berstruktur pengalaman hidup untuk memahami konsep kompleks yang bersifat abstrak.

ELEMEN METAFORA KONSEPSI STRUKTURAL

Sebanyak 76 elemen metafora konsepsi struktural yang disampaikan oleh Hamka dalam karyanya. Penghasilan metafora konsepsi ini dalam kepengarangan Hamka adalah diselitkan pengalaman yang dilalui dalam kehidupan harian

beliau. Hal ini demikian kerana beliau banyak mengambil item berstruktur konkrit untuk memerihalkan pengalaman hidup dan persekitaran sekeliling. Metafora kehidupan, hubungan dan fikiran adalah terhasil daripada metafora konsepsi struktural yang dipersembahkan oleh Hamka kepada pembaca seiring dengan pengalaman yang dialami beliau secara empirikal daripada alam sekeliling. Pengkonsepsian cabaran hidup Hamka yang bersifat abstrak yang diselitkan menerusi novel ini dapat disampaikan dengan jelas maknanya agar mudah difahami oleh pembaca. Jadual 3 merupakan paparan data penginterpretasian metafora konsepsi struktural.

JADUAL 3. Penginterpretasian Metafora Konsepsi Struktural

Metafora Konsepsi	Data 2
Struktural	<i>Saya tidak mau membuka rambut.</i>

(Halaman 100)

Berdasarkan data 2 dalam Jadual 3, pengarang menyampaikan konsep kompleks yang berunsurkan abstrak seperti aurat melalui konsep yang konkrit dan lebih khusus dengan penggunaan frasa *membuka rambut*. Frasa *membuka rambut* dianggap item yang banyak berstruktur dalam pengalaman hidup sebagai sumber domain untuk memahami sesuatu konsep yang lain. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), *buka* bermaksud menjadikan tidak bertutup, manakala *rambut* merujuk kepada sejenis bulu yang tumbuh di kepala. Dalam konteks ini, pengarang mengambil item yang berstrukturkan pengalaman hidup dan pemerhatian terhadap persekitaran sekeliling melalui penghasilan metafora konseptual aurat adalah pakaian. Hal ini kerana metafora konsepsi struktural dapat difahami oleh pembaca dengan lebih mudah apabila pengarang mengkonsepsikan sesuatu yang abstrak seperti aurat melalui entiti konkrit yang lebih khusus, seperti pakaian. Maksud “pakaian ialah aurat” diumpamakan sebagai etika berpakaian mengikut saranan agama Islam. Ini bermakna wanita Muslim tidak seharusnya menjadi daya tarikan bagi lelaki dengan cara tidak mendedahkan bentuk dalaman dan bahagian badan tertentu, kecuali muka dan kedua telapak tangan.

Penggunaan frasa *tidak mau membuka rambut* dalam kepengarangan ini adalah merujuk kepada Hayati yang dipaksa oleh Khadijah untuk menukar gaya pemakaiannya. Hal ini kerana Khadijah inginkan Hayati memakai pakaian yang menjolok mata sepertinya, iaitu dengan berkebayu pendek

yang jarang sehingga kelihatan lurah dadanya serta membiarkan rambutnya mengurai tanpa ditutupi dengan selendang di kepala.

PEMAKNAAN MELALUI PENGGUNAAN METAFORA KONSEPSI STRUKTURAL

Pengarang turut mengambil item yang berstruktur dalam pengalaman hidup untuk dijadikan sumber domain untuk memahami konsep abstrak yang lain. Bagi metafora konsepsi jenis ini, Hamka mempersembahkan kepada pembaca berdasarkan pengalaman yang diperoleh secara empirikal daripada alam sekeliling. Sebagai contoh, kepengarangan Hamka adalah berkaitan dengan kehidupan yang bersifat abstrak diertikan dengan makanan melalui penghasilan metafora konsepsi pakaian adalah makanan untuk menghubungkan konsep yang berbeza. Secara tidak langsung, pengkonsepsian cara berpakaian oleh watak dalam novel ini dapat memberikan pemahaman makna yang jelas, sekali gus mudah difahami oleh pembaca. Dalam konteks ini, beliau menggunakan metafora konsepsi “pakaian ialah makanan” untuk menggambarkan bahawa pakaian bukan sekadar pelindung tubuh, tetapi juga berfungsi sebagai elemen penting dalam identiti dan ekspresi diri. Dengan menggunakan istilah makanan, Hamka menekankan bahawa pakaian memenuhi keperluan estetika dan emosi manusia, sama seperti makanan memenuhi keperluan fizikal. Pakaian boleh diibaratkan sebagai sumber yang diperlukan untuk jiwa, memberikan rasa percaya

diri, penghormatan diri, dan juga melambangkan nilai-nilai moral serta budaya. Oleh itu, metafora ini mencerminkan kedalaman pemikiran Hamka dalam menggambarkan hubungan kompleks antara kehidupan, identiti, dan norma-norma sosial. Maka, dalam konteks ini pembaca dapat membayangkan bagaimana pembentukan kuih lepat yang dilakukan dengan teliti menunjukkan proses yang sama seperti pemilihan dan pembuatan pakaian yang sesuai. Kuih lepat yang merupakan makanan tradisional yang sinonim baik dalam masyarakat Minangkabau mahupun dalam masyarakat Melayu. Oleh itu, tidak akan berlaku kesalahafsiran makna oleh pembaca kerana perkara yang diertikan itu adalah makanan tradisional yang sinonim dalam kehidupan mereka.

METAFORA KONSEPSI ORIENTASI

Bahagian ini memfokuskan pada cara elemen metafora konsepsi orientasi dikenal pasti, diinterpretasi, dan dirumuskan pemaknaannya melalui penggunaan metafora konsepsi jenis ini dalam novel Tenggelmnya Kapal Van Der Wijck. Metafora konsepsi orientasi bertindak sebagai metafora ruang yang menjadi struktur untuk mengkonsepsikan sesuatu perkara dengan sesuatu perkara yang lain. Konsep yang lain akan diambil kira untuk diorganisasikan, diatur dan disusun keseluruhan konsep yang terlibat dalam metafora konsepsi orientasi. Metafora ini melibatkan

pengetahuan, maklumat asas, serta pengalaman seseorang individu tentang persekitaran fizikal apabila mengatur orientasi arah dalam kehidupan seharian. Setiap manusia akan menempuhi pengalaman, mempunyai pengetahuan dan budaya yang berbeza maka metafora konsepsi orientasi yang dihasilkan adalah berbeza-beza.

ELEMEN METAFORA KONSEPSI ORIENTASI

Sebanyak 40 elemen metafora konsepsi orientasi yang disampaikan oleh Hamka dalam karyanya. Metafora konsepsi ini digunakan dalam kepengarangan ini kerana sentimen yang diluahkan oleh beliau berbentuk konsep orientasi, seperti arah dan kedudukan untuk menzahirkan sesuatu konsep makna. Selain itu, benda-benda yang tidak bernyawa disamakan dengan perlakuan dan sifat manusia kerana gaya bahasa bagi penggunaan elemen metafora konsepsi orientasi adalah berbentuk kiasan jenis personifikasi. Seiring dengan definisi personifikasi yang terdapat dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), iaitu pemberian sifat-sifat manusia kepada manusia kepada benda tak bernyawa atau sesuatu yang abstrak untuk mendapatkan keindahan dalam berbahasa untuk dizahirkan kepada pembaca ataupun pendengar. Jadual 4 merupakan paparan data penginterpretasian metafora konsepsi orientasi.

JADUAL 4. Penginterpretasian Metafora Konsepsi Orientasi

Metafora Konsepsi	Data 3
Orientasi	Pendekar Sutan <i>naik darah</i> lantaran malu, tetapi masih ditahannya.

(Halaman 5)

Frasa *naik darah* dalam data 3 pada Jadual 4 menunjukkan penggunaan elemen metafora konsepsi orientasi yang berorientasikan ATAS dalam konteks atas kerana memberikan gambaran terhadap sesuatu perkara secara abstrak, iaitu emosi marah. Hal ini demikian kerana menerusi Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), *naik* bermaksud bergerak ke atas atau bergerak ke tempat yang lebih tinggi. *Naik* merupakan kata kerja yang menunjukkan ukuran dan tidak melibatkan apa-apa ruang. Dalam hal ini, *naik darah* merupakan domain ruang yang mengalami peluasan makna kepada domain bukan ruang, iaitu bergerak ke atas untuk menunjukkan puncak kemarahan seseorang.

Pengarang menggunakan frasa *naik darah* untuk menggambarkan emosi marah ayah Zainuddin. Kemarahan ayah Zainuddin yang tidak

dapat dikawal lagi kerana setiap tindakan yang dilakukannya sering dipandang rendah oleh bapa saudaranya sendiri.

PEMAKNAAN MELALUI PENGGUNAAN METAFORA KONSEPSI ORIENTASI

Pengarang mengkonsepsikan sesuatu dengan mengaitkannya kepada konsep lain, seperti arah atau kedudukan, melalui metafora konsepsi orientasi. Perkara ini dapat dilihat apabila pengarang menggambarkan kisah percintaan Zainuddin dan Hayati dalam bentuk konsep orientasi, seperti arah dan kedudukan, untuk menzahirkan konsep reda. Berdasarkan metafora konsepsi reda adalah tatatingkat di atas. Kedudukan reda dalam kehidupan manusia ketika mengharungi cabaran dan dugaan

menurut Hamka adalah yang paling utama. Dalam kepengarangan novel ini, konsep kedudukan reda berada pada tatatingkat atas. Mengambil contoh watak Zainuddin yang sentiasa yakin dengan kuasa dan takdir Ilahi. Konsep reda ini digambarkan melalui wataknya yang berpegang teguh kepada qada dan qadar Allah SWT setelah menghadapi kekecewaan dalam percintaannya dengan Hayati.

KESIMPULAN

Melalui penelitian yang dilakukan menunjukkan bahawa novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* kaya dengan elemen metafora konsepsi yang berfungsi untuk menggambarkan pelbagai tema dan emosi yang kompleks. Melalui analisis, beberapa metafora konsepsi telah dikenal pasti, termasuk penggambaran hubungan antara manusia dan alam serta dilema sosial yang dihadapi oleh watak utama. Metafora seperti “pakaian ialah aurat” dan “jalan kehidupan” digunakan untuk menyampaikan maksud yang mendalam mengenai identiti dan norma-norma masyarakat. Interpretasi metafora tersebut mengungkapkan makna yang lebih luas, membantu pembaca memahami bagaimana pengalaman dan emosi yang abstrak dapat dipersembahkan secara konkrit. Melalui penggunaan metafora konsepsi ini, kajian ini turut merumuskan bahawa elemen-elemen tersebut tidak hanya memperkayakan naratif tetapi juga memberikan pandangan yang mendalam tentang nilai-nilai budaya dan etika dalam masyarakat serta menjadikannya relevan untuk dihayati hingga ke hari ini.

Malah, penginterpretasian terhadap jenis-jenis metafora konsepsi ini membolehkan pengkaji merumuskan pemaknaan yang disampaikan melalui metafora agar pembaca dapat memahami apa yang ingin disampaikan oleh penulis dalam kepengarangannya. Pengaplikasian metafora konsepsi adalah untuk menghidupkan keindahan berbahasa secara perlambangan dalam sesebuah kepengarangan novel. Makna metafora dan makna harfiah bagi ayat yang terkandung dalam sesebuah novel perlu dihayati hubungan kognitifnya bagi menjelaskan perubahan makna yang berlaku. Bertepatan dengan Teori Metafora Konsepsi (1980) yang dikemukakan oleh Lakoff dan Johnson, iaitu membantu pembaca meneliti elemen metafora konsepsi dengan konteks kognitif pengarang menerusi kepengarangannya. Proses aliran makna yang disampaikan pengarang dapat menjelaskan bagaimana kognitif pengarang dikonseptualisasikan melalui metafora.

RUJUKAN

- Aini Karim & Muhamad Fadzllah Zaini. 2017. Analisis metafora konsepsi kemuliaan manusia dalam syair nasihat nukilan Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddin Sa’adul Khairi Waddien, Sultan Negara Brunei Darussalam Ke-28: Perspektif Awalan Semantik Kognitif. *Jurnal Komunikasi Borneo* 5: 1-16.
- Amirah Ahmad & Rozaimah Rashidin. 2011. Terjemahan ‘air’ dalam peribahasa Melayu-Inggeris: analisis semantik kognitif. *Jurnal Linguistik* 13(6): 1-12.
- Chew Fong Peng & Nurmaziah Majelan. 2019. Pelaksanaan pendidikan perpaduan menerusi teks KOMSAS dalam kalangan pelajar tingkatan dua. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature* 10: 75-90.
- Clinton Ringit, Hamidah Abdul Wahab & Remmy Gedat. 2019. Domain kepercayaan bahasa halus masyarakat Iban Sebuyau: analisis metafora konsepsi. *Asian People Journal* 2(2): 18-30.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2015. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dinie Asyraf Salehan. 2017. Metafora konsepsi dan pemikiran dalam peribahasa Melayu dan Perancis berkaitan haiwan. Tesis Ijazah Master, Universiti Putra Malaysia.
- Hamidah Abdul Wahab, Imran Ho Abdullah, Mohammed Azlan Mis & Khazriyati Salehuddin. 2016. Analisis eufemisme kematian masyarakat Melayu Sarawak dari perspektif semantik kognitif. *GEMA Online: Journal of Language Studies* 16(2): 53-71.
- Hamka. 2023. *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Publishing House Sdn Bhd.
- Khairulanwar Abdul Ghani. 2021. Analisis semantik kognitif dalam puisi cinta tanpa tanda: konsep metafora dan ikon dari perspektif teori ruang mental. *International Journal of Education* 6(38): 237-256.
- Mala Varadan. 2018. Metafora dalam novel selancar empat. Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Malaya.
- Marjannah, Aswandikari & Johan Mahyudi. 2023. Kajian metafora novel “Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck” karya Hamka. *Jurnal Cahaya Mandalika* 2023: 316-326.
- Marwan Mas. 2020. *Pengaruh Sosial dan Budaya dalam Karya Sastra Hamka: Kajian terhadap Tenggelamnya Van Der Wijck*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Merry Lapasau & Arbak Othman. 2022. Metafora haiwan: Kajian perbandingan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia. *Jurnal Bahasa* 10(1): 162-194.
- Mohd Radzi Mustafa. 2002. *Bahasa Alam Satu Perspektif*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Muhamad Aniq Azlan & Mohd Syuhaidi Abu Bakar. 2019. Persepsi dan motivasi khalayak untuk membaca karya sastera dalam akhbar bercetak. *Forum Komunikasi* 14(2): 91-115.
- Nirwana Sudirman, Zulkifley Hamid, Masitah Mad Daud & Nik Zulaiha Zakaria. 2017. Metafora konsepsi dan skema imej sebagai cerminan pemikiran dan kehidupan orang Melayu. *Journal of Science and Humanities* 12(3): 1-17.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. 2010. Remaja Malaysia dan peribahasa Melayu. *Jurnal Linguistik* 10(1): 158-172.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Anida Sarudin & Zaharani Ahmad. 2012. Peluasan makna alim: analisis semantik kognitif. *GEMA: Online Journal of Language Studies* 12(2): 457-473.

- Norsimah Mat Awal & Nur Liyana Zulkffle. 2012. Analisis semantik kata kerja gerak dan campak dalam dialek Negeri Sembilan. *Jurnal Linguistik* 16: 37-48.
- Nur Aisyah Mohamad Noor, Zamri Mahamod, Afendi Hamat & Mohamed Amin Embi. 2012. Persepsi pelajar terhadap aplikasi perisian multimedia dalam pembelajaran komsas bahasa Melayu Tingkatan 1. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 2(1): 1-16.
- Nur Amirah Che Soh & Che Ibrahim Salleh. 2014. Keindahan bahasa dalam lirik lagu P. Ramlee. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 2(1): 103-111.
- Rozaimah Rashidin & Nor Hashimah Jalaluddin. 2013. Metafora KASIH dalam teks Melayu tradisional: analisis teori hibrid. *Jurnal Linguistik* 17(1): 19-28.
- Umami Syaza Nabilah Mohamad Suhaimi
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
E-mel: gs65285@student.upm.edu.my
- Rozita binti Che Rodi (Pengarang koresponden)
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
E-mel: ita_cherodi@upm.edu.my
- Rozaimah Rashidin & Nor Hashimah Jalaluddin. 2015. Metafora konsepsi emosi marah dalam data korpus teks tradisional Melayu. *Jurnal Linguistik* 19(1): 029-047.
- Rozaimah Rashidin, Nor Umiumairah Mohamad & Zuraidah Jantan. 2023. Metafora akal, kehidupan dan fikiran dalam buku falsafah hidup karya Hamka. *Jurnal Bahasa* 23(1): 113-146.
- Sharwinthiran Thavarajah, Anida Sarudin, Zulkiffi Osman, Husna Faredza Mohamed Redzwan, Wiwiek Afifah & Mohd Amir Mohd Zahari. 2020. Pentaksiran analitik dan holistik elemen kemahiran berfikir aras tinggi dalam penulisan berdasarkan teori metafora konsepsi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 11(1): 1-15.
- Siti Farida Salleh, Yazid Yahya, Mary Fatimah Subet & Muhammad Zaid Daud. 2020. Analisis semantik leksikal dalam novel sangkar karya Samsiah Mohd. Nor. *Asian People Journal* 3(1): 45-63.
- Siti Zainon Ismail. 1991. *Seni dan Budaya dalam Novel Hamka*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. 1994. *Seni dan Pemikiran Dalam Karya Hamka*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zawiyah Baba & Zuraidah Hassan. 2014. Analisis bibliografi karya HAMKA dalam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 2(1): 93-101.